



Jabatan Perangkaan
MALAYSIA

PELAN STRATEGIK

INSTITUT LATIHAN STATISTIK MALAYSIA

2021-2025



Statistik Mencetus Minda Inovatif

PELAN STRATEGIK

INSTITUT LATIHAN
STATISTIK MALAYSIA

2021-2025



Statistik Mencetus Minda Inovatif

PERUTUSAN KETUA PERANGKAWAN MALAYSIA



Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,
Salam sejahtera,

Alhamdulillah, syukur ke hadrat Allah S.W.T kerana dengan izinNya, Institut Latihan Statistik Malaysia (ILSM) telah dapat menerbitkan **Pelan Strategik ILSM 2021-2025 (PSI)**. Pelan ini adalah bagi mendokong hala tuju DOSM seperti yang digariskan dalam Pelan Strategik Jabatan Perangkaan Malaysia 2021-2025. Pelan strategik bagi tempoh lima tahun ini amat penting sebagai kesinambungan kepada perancangan, hala tuju serta komitmen yang ditetapkan melalui PSI 2016-2020.

Sebagai pusat kecemerlangan DOSM, ILSM bertanggungjawab untuk menyediakan pakej latihan yang komprehensif dan berkualiti bagi memenuhi keperluan *stakeholders* Jabatan yang dinamik. Dokumen ini merangkumi strategi yang akan memacu arah tuju bagi menempuh cabaran global kesan revolusi teknologi, ledakan maklumat, analitik data raya dan data sains yang menuntut kepakaran bidang baharu. Semoga pelan strategik ini akan dapat memberi garis panduan yang lebih jelas serta terperinci kepada semua pihak berkepentingan agar dapat menyumbang secara bersepadu ke arah matlamat yang disasarkan.

Akhir kata, rakaman sekalung penghargaan dan tahniah kepada semua pihak yang telah menyumbang secara langsung mahupun tidak langsung di dalam penyediaan pelan strategik ini. Semoga usaha murni ini akan mendapat seribu rahmat oleh Allah SWT jua serta memberi manfaat kepada semua warga DOSM.

Sekian, terima kasih.

Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin

PRAKATA

PENGARAH ILSM

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,
Salam sejahtera,

Terlebih dahulu, alhamdulillah, setinggi-tinggi kesyukuran dipanjatkan ke hadrat Ilahi di atas izinNya, Pelan Strategik Institut Latihan Statistik Malaysia 2021-2025 telah berjaya dihasilkan. Cabaran kepada penyampaian perkhidmatan statistik yang semakin mendesak menuntut kepada perancangan pembangunan pakej pembelajaran yang sistematik dan dinamik.

Sistem penyampaian latihan juga dilihat perlu seiring dengan kepesatan pembangunan teknologi dan perubahan ekosistem kehidupan masa kini. Sebagai kesinambungan daripada PSI 2016-2020, ILSM telah mengambil inisiatif dengan membangunkan PSI 2021-2025 bagi melaksanakan peranan dan fungsi secara lebih menyeluruh dan bersepadu.

Pelan ini akan menjadi rujukan utama warga ILSM dalam melaksanakan tugas dan amanah yang dipertanggungjawabkan. Saya percaya dengan kerjasama semua, setiap strategi yang digariskan dalam pelan ini akan dapat dicapai dan memperkukuhkan peranan ILSM sebagai *Centre of Skills Excellence* DOSM. Seterusnya, visi ILSM ke arah institusi pembangun kompetensi statistik yang dinamik dapat direalisasikan.

Sekian, terima kasih.



Mohd Ridaudin Masud

RINGKASAN EKSEKUTIF

Pelan Strategik ILSM 2021-2025 merupakan dokumen hala tuju ILSM yang dijadikan sebagai garis panduan bagi mencapai matlamat pembangunan dan pelaksanaan gerak kerja yang dirangka untuk tempoh lima tahun. Pelan Strategik ini dirangka dan digubal seiring dengan **Pelan Strategik Jabatan Perangkaan Malaysia 2021-2025** dengan memberi fokus kepada pemerksaan dan pembangunan modal insan.

Perkembangan teknologi seiring dengan revolusi perindustrian 4.0 (IR 4.0) telah menuntut ILSM untuk menyediakan pakej pembelajaran yang bersesuaian dengan permintaan semasa. Di samping itu, penyesuaian pakej pembelajaran turut dilaksanakan selaras dengan modenisasi di dalam penghasilan statistik rasmi. Cabaran utama dalam merealisasikan keperluan tersebut melibatkan bidang sains data, analisis data raya serta penguasaan perisian statistik bagi penghasilan pengetahuan baharu.

Kemunculan pandemik Covid-19 pada penghujung tahun 2019 telah memberi kesan dan membawa kepada perubahan corak pengurusan dan pelaksanaan latihan. Kekangan kaedah latihan konvensional secara bersemuka tidak menghalang institut untuk terus melaksanakan agenda pembangunan modal insan dengan pelaksanaan program secara atas talian. Senario ini menuntut ILSM bergerak pantas untuk menjadi institusi pembelajaran statistik yang dinamik.

Secara keseluruhannya, empat teras strategik dirangka bertujuan menyediakan pakej pembelajaran yang menepati keperluan semasa, mewujudkan jalinan usahasama strategik ke arah institusi pembelajaran yang unggul serta memperkukuh persekitaran pembelajaran yang kondusif. Pelan strategik ini telah memfokuskan hala tuju dengan menggariskan empat teras strategik berikut:

TS1 Pembangunan Program Pembelajaran Berkualiti

TS2 Pengurusan Pembelajaran Dinamik

TS3 Jalinan Usahasama Strategik

TS4 Pengurusan Infrastruktur Yang Efisien

Kesemua teras strategik ini disokong dengan **12 strategi, 39 inisiatif** dan **64 Petunjuk Prestasi Utama (KPI)** yang telah ditetapkan bagi mencapai visi dan misi ILSM.

KANDUNGAN

Perutusan Ketua Perangkawan Malaysia	i
Prakata Pengarah ILSM	ii
Ringkasan Eksekutif PSI 2021-2025	iii

PENGENALAN

Pencapaian ILSM 2016 – 2020	2
Program Kerjasama Antarabangsa	7
Memorandum Persefahaman (MoU)	9
Literasi Statistik dan Tanggungjawab Sosial	10
Sejarah Penubuhan	11
Visi, Misi & Moto	12
Objektif dan Fungsi	13
Piagam Pelanggan	14
Carta Organisasi	15
Jawatankuasa Pengurusan Latihan	16
Punca Kuasa	17
Pemegang Taruh	19
Dasar Latihan Sumber Manusia Sektor Awam	21
Pelan Operasi Latihan DOSM	22

ANALISIS PERSEKITARAN DAN CABARAN SEMASA

Revolusi Teknologi	27
Kepakaran Bidang Baharu	27
Pandemik Covid-19	28
Permintaan Data Lebih Terperinci	28


TERAS STRATEGIK

Ringkasan PSI 2021-2025	30
Teras Strategik 1	31
Teras Strategik 2	32
Teras Strategik 3	33
Teras Strategik 4	35
Pelan Tindakan	36
<i>Way Forward</i>	40

Jawatankuasa Kerja Pelan Strategik ILSM 2021- 2025

Akronim

PENGENALAN



PENCAPAIAN ILSM 2016-2020

2016

Kursus Dalam:

35 kursus, 1,125 peserta, 3,285 *Training Man Days* (TMD)

Kursus Antrabangsa:

3 kursus, 61 peserta, 305 TMD

Program Bahagian / DOSM Negeri:

17 program, 1,505 peserta, 4,816 TMD

Program Sistem Tempahan Fasiliti Kerajaan (MyTC):

32 program, 2,443 peserta, 3,420 TMD

Jumlah Keseluruhan Kursus / Program:

87 kursus / program, 5,134 peserta, 11,826 TMD



Pelan Strategik Institut Latihan Statistik Malaysia (PSI ILSM) *Statistical Training Course for ASEAN Member States (AMSS) on Seasonal Adjustment and Business Survey Methodology* kerjasama dengan EU-COMPASS



2017

Kursus Dalam:

18 kursus, 579 peserta, 1,657 TMD

Program Bahagian / DOSM Negeri:

12 program, 742 peserta, 2,297 TMD

Program MyTC:

19 program, 1,370 peserta, 2,286 TMD

Jumlah Keseluruhan Kursus / Program:

49 kursus / program, 2,691 peserta, 6,240 TMD

Majlis Perasmian Institut Latihan Statistik Malaysia (ILSM) oleh Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Sultan Perak Darul Ridzuan, Sultan Nazrin Muizzuddin Shah ibni Almarhum Sultan Azlan Muhibbuddin Shah



Kolokium Statistik

Seminar Statistik Pemacu Kemakmuran Dan Kesejahteraan Negeri Mendepani Cabaran Masa Hadapan

2018

Kursus Dalaman:

33 kursus, 677 peserta, 3,702 TMD

Kursus Antarabangsa:

2 kursus, 67 peserta, 335 TMD

Kursus Customised:

1 kursus, 20 peserta, 40 TMD

Program Bahagian / DOSM Negeri:

16 program, 1,223 peserta, 2,088 TMD

Program MyTC:

31 program, 3,750 peserta, 3,341 TMD

Jumlah Keseluruhan Kursus / Program:

83 kursus / program, 5,737 peserta, 9,506 TMD

Regional Course on Statistical Business Registers (SBR): Data Sources Maintenance and Quality Assurance kerjasama dengan UNSIAP

Tacit Knowledge Session

Statistical Competencies Development Programme (SCDP)
Perangkawan E41

Sesi Interaktif Banci Banci Penduduk dan Perumahan Malaysia 2020 Bersama Mantan Pesuruhjaya Banci dan Alumni DOSM



Seminar Statistik Kependudukan dan Sosioekonomi Negeri: Ke Arah Banci Penduduk dan Perumahan Malaysia 2020 Bersama Unit Perancang Ekonomi Negeri & Kementerian / Agensi

Kolokium Statistik dan *Research Poster*

2019

Kursus Dalam:

35 kursus, 1,125 peserta, 9,213 TMD

Kursus Antarabangsa:

3 kursus, 95 peserta, 475 TMD

Kursus Customised:

1 kursus, 25 peserta, 50 TMD

Program Bahagian / DOSM Negeri:

5 program, 554 peserta, 2,159 TMD

Program MyTC:

15 program, 1,518 peserta, 1,719 TMD

Jumlah Keseluruhan Kursus / Program:

59 kursus / program, 3,317 peserta, 13,616 TMD

Course Country - Labour kerjasama dengan UNSIAP

Course Country - Population kerjasama dengan UNSIAP

Seminar Statistik: Mendepani Cabaran dan Agenda *Sustainable Development Goals* (SDG) Nasional

SCDP Siri 1 & 2 - Perangkawan E41

SCDP Siri 1 & 2 - Penolong Pegawai Perangkaan E29

SCDP Lantikan 10 - 12 tahun E41 / E44

SCDP - Pembantu Perangkaan E19

Sesi *Executive Talk - Purposeful Leadership & Organisational Sustainability* bersama Tan Sri Dato' Sri Abdul Wahid Omar

Kolokium Statistik dan *Scientific Poster*

Perasmian ISI WSC Garden

Forum Perdana Hal Ehwal Islam - Usia Berbaki

2020

Kursus Dalam:

12 kursus, 329 peserta, 282 TMD

Program Bahagian / DOSM Negeri:

9 program, 880 peserta, 1,402 TMD

Program MyTC:

14 program, 742 peserta, 1,524 TMD

Jumlah Kursus / Program:

35 kursus / program, 1,951 peserta, 3,208 TMD

ILSM sebagai Stesen Kuarantin COVID-19

Sesi Percambahan Minda : Pandemik Covid-19 - Sejauh Manakah DOSM Bersedia? (*Sesi Knowledge Sharing*)

Seminar Banci Malaysia 2020 - Statistik Kependudukan Memacu Kelestarian Malaysia

SCDP - Perangkawan E41

SCDP - Penolong Pegawai Perangkaan E29

KURSUS / PROGRAM

PESERTA

TMD

2016 87

2017 49

2018 83

2019 59

2020 35

2016 5,134

2017 2,691

2018 5,737

2019 3,317

2020 1,951

2016 11,826

2017 6,240

2018 9,506

2019 13,616


2020 3,208



PROGRAM KERJASAMA ANTARABANGSA

Selaras dengan hasrat DOSM untuk menjadi peneraju perkhidmatan statistik, ILSM telah berkolaborasi dengan agensi dan institusi statistik antarabangsa dengan menganjurkan kursus dan seminar yang melibatkan penceramah dan peserta luar negara. Jalinan kerjasama ini dipertingkatkan melalui perkongsian maklumat statistik pelbagai bidang secara teori mahupun praktikal. Jalinan kerjasama tersebut adalah seperti berikut:

- i. United Nations Statistics Division (UNSD);
- ii. United Nations Statistical Institute for Asia and The Pacific (UNSIAP);
- iii. United Nations Economic and Social Commission for Asia and The Pacific (UNESCAP);
- iv. United Nations Economic Commission for Europe (UNECE);
- v. Sekretariat ASEAN;
- vi. European Commission-Capacity Building Project for Monitoring Integration Progress and Statistics (EU-COMPASS); dan
- vii. Badan Pusat Statistik (BPS).



PROGRAM KERJASAMA ANTARABANGSA

Sepanjang tempoh PSI 2016-2020, ILSM telah melaksanakan sebelas kursus dan seminar peringkat antarabangsa.

2016

26 – 30 SEPTEMBER

Regional Training Workshop on the System of Environmental-Economic Accounting with a focus on Water Accounting

32 peserta [22 DOSM, 10 Antarabangsa]
Usahama: UNSD dan UNESCAP

24 - 28 OKTOBER

Statistical Training Course for ASEAN Member States (AMSs) on Seasonal Adjustment

13 peserta [2 DOSM, 11 Antarabangsa]
Usahama: ASEAN Secretariat dan EU-COMPASS

24 - 28 OKTOBER

Statistical Training Course for ASEAN Member States (AMSs) on Business Survey Methodology

16 peserta [2 DOSM, 14 Antarabangsa]
Usahama: ASEAN Secretariat dan EU-COMPASS

2018

21 – 25 MEI

Regional Course : On Statistical Business Registers (SBR) : Data Sources, Maintenance and Quality assurance

21 peserta [15 DOSM, 6 Antarabangsa]
Usahama: UNSIAP

10– 11 DISEMBER

Regional Conference on the Development of Viable Statistical Infrastructure and Technical Training on Statistical Business Register (SBR)

46 peserta [21 DOSM, 25 Agensi Luar]
Usahama: ADB

2019

4 – 5 APRIL

First National Ocean Accounts Workshop

43 peserta [11 DOSM, 29 Agensi Luar, 3 Antarabangsa]
Usahama: UNESCAP

14 - 18 OKTOBER

Country Course on Labour Accounts

29 peserta [24 DOSM, 5 Agensi Luar]
Usahama: UNSIAP

14 - 18 OKTOBER

Country Course on Population and Housing Census : International Recommendations and Use of Emerging Technologies and Methodologies

23 peserta [20 DOSM, 3 Agensi Luar]
Usahama: UNSIAP

2020

7 JULAI

Webinar of Malaysia: Counting Everyone for a Better Tomorrow (In conjunction with Malaysia's Census Day 2020)
Webinar Pelancaran Banci 2020

22 OKTOBER


Virtual Short Course for the 7th Malaysia Statistics Conference 2020: Census Shapes Nation's Future
Webinar MyStats Day
Usahama: BNM dan ISM

10 DISEMBER

"2030 Agenda: Bridging The Nations For A Better Global Sustainability" (In conjunction with The Launching Ceremony of Malaysia SDG Indicators 2019 Publication)
Webinar Seminar SDG

MEMORANDUM PERSEFAHAMAN (MoU)

Sepanjang tempoh 2016-2020, sebanyak 11 MoU telah dimeterai antara DOSM dan Institusi Pengajian Tinggi (IPT) yang keseluruhannya berjumlah 20 MoU dimeterai. MoU tersebut meliputi persefahaman bersama 15 buah Universiti Awam dan 5 buah Universiti Swasta. Memorandum ini adalah mengenai jalinan kerjasama dalam penyelidikan dan perkongsian ilmu statistik. 20 MoU tersebut adalah seperti berikut:



Melalui perkongsian data mikro, sebanyak 167 kertas kajian telah dihasilkan oleh IPT untuk tempoh 2016 hingga 2020. Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) mencatatkan kertas kajian terbanyak iaitu 52 kajian. Sepanjang tempoh tersebut juga, sebanyak 460 penggunaan data mikro oleh warga IPT direkodkan. UKM merekodkan 241 penggunaan data mikro yang merupakan paling tinggi di kalangan IPT.

Selain itu, beberapa program anjuran DOSM yang melibatkan IPT turut dilaksanakan, seperti berikut:

- i. *Virtual Short Course for the 7th Malaysia Statistics Conference 2020: Census Shapes Nation's Future*;
- ii. Seminar My Local Stats 2020: Statistik Daerah & Tempatan Ke Arah Kecekapan Perancangan Dan Pengurusan Sumber;
- iii. Seminar SDG: 2030 Agenda: *Bridging The Nations For A Better Global Sustainability (In Conjunction With The Launching Ceremony Of Malaysia SDG Indicators 2019 Publication)*;
- iv. Seminar MyCensus 2020: Statistik Kependudukan Memacu Kelestarian Malaysia;
- v. Pertandingan Videografik antara IPT sempena Hari Statistik Negara;
- vi. Program e-Census hour bersama warga IPT;
- vii. Seminar Statistik;
- viii. Kolokium Statistik;
- ix. Sesi *Executive Talk*;
- x. Bicara Statistik;
- xi. Kursus Dalam DOKS; dan
- xii. DOKS Knowledge Partnership.

LITERASI STATISTIK DAN TANGGUNGJAWAB SOSIAL

Sebagai pusat latihan dalam bidang statistik, ILSM komited melaksanakan program literasi statistik dan tanggungjawab sosial (CSR) dengan pelbagai aktiviti yang melibatkan IPT, sekolah dan masyarakat setempat.

Program literasi statistik ini bertujuan untuk meningkatkan tahap literasi statistik dan pembudayaan statistik di kalangan pelajar dan komuniti setempat. Pengisian program ini adalah termasuk penerangan mengenai peranan DOSM dalam melaksanakan banci dan pelbagai survei bagi memantau prestasi ekonomi dan juga pembangunan sosial negara sebagai sumber statistik rasmi negara. Antara program literasi yang dilaksanakan adalah:

- i. Program Statistik dan Anda Bersama Komuniti Setempat yang melibatkan pelajar dari tiga buah sekolah menengah asrama penuh terpilih dalam Daerah Batang Padang;
- ii. Program *Fun With Stats* Bersama Sekolah Menengah Kebangsaan Hamid Khan, Tapah;
- iii. Program "Fun-Stats-Tic" di Sekolah Menengah Kebangsaan Sungkai;
- iv. Program *School Outreach* sempena Hari Statistik Negara 2019 di Sekolah Menengah Kebangsaan Tengku Mahkota, Muar, Johor;
- v. Program *Statistics Talks* di Kolej Matrikulasi Perak, Politeknik Sultan Azlan Shah, Universiti Sultan Azlan Shah Malaysia dan Universiti Perguruan Sultan Idris; dan
- vi. Program Road to Hari Statistik Negara 2018 - *Stats Treasure Hunt* yang melibatkan pelajar sekolah dan IPT.

Program CSR dilaksanakan dengan tujuan bagi mengeratkan hubungan silaturrahim di antara penduduk setempat di samping mempromosikan peranan DOSM sebagai pengeluar statistik rasmi negara. Antara program yang dilaksanakan adalah:

- i. Program bantuan dan membersihkan rumah asnaf di bulan Ramadan serta pengagihan bubur lambuk di sekitar Sungkai;
- ii. Program gotong royong membersihkan Masjid dan Balai Raya Mukim Sungkai;
- iii. Program gotong royong membersihkan tanah perkuburan Mukim Sungkai;
- iv. Program membersihkan kawasan pantai Jeti Beting Beras Basah, Bagan Datuk; dan
- v. Program Taawun Perdana Komuniti Felda Sungai Klah bersama komuniti setempat Felda Sungai Klah, Sungkai.

SEJARAH PENUBUHAN



Pada tahun 1987, Kumpulan Kerja Pembangunan Sumber Manusia telah ditubuhkan bagi merancang pembangunan program latihan di DOSM. Ini disusuli dengan pengwujudan Bahagian Pembangunan Perangkaan pada tahun 1990 yang bertanggungjawab menyediakan program latihan dalaman untuk warga DOSM. Sejarar dengan dasar kerajaan yang menekankan pembangunan sumber manusia, penjenamaan semula Bahagian ini dilaksanakan pada tahun 2003 dengan jumlah perjawatan seramai 21 orang dan dikenali sebagai Bahagian Latihan Perangkaan.

Selaras dengan Teras Kedua Misi Nasional iaitu meningkatkan keupayaan pengetahuan dan inovasi negara serta memupuk minda kelas pertama, Kerajaan telah meluluskan permohonan DOSM untuk membina ILSM di bawah projek *Public Fund Initiatives* (PFI). Pembinaan ILSM telah dimulakan pada 15 Mei 2008 dan siap sepenuhnya bagi fasa pertama pada 28 Disember 2011 dengan berkeluasan tanah 40 ekar di Sungkai, Perak Darul Ridzuan.

Pembangunan ILSM seterusnya dilengkapi melalui Rancangan Malaysia Kesepuluh pada 24 Jun 2014 dengan kemudahan fasiliti blok pentadbiran, blok penginapan, dewan serbaguna, surau dan kemudahan riadah. Institut ini dilengkapi dengan enam bilik kuliah, sepuluh bilik sindiket, perpustakaan, tiga makmal komputer dan satu makmal inovasi. Institut ini boleh menampung seramai 150 orang peserta dalam satu masa dengan kemudahan sejumlah 100 bilik penginapan. ILSM telah memulakan operasi pada 3 Januari 2012 dengan kekuatan perjawatan seramai 28 anggota dan pelaksanaan kursus pertama adalah pada 5 Mac 2012.

VISI, MISI & MOTO

VISI



Institusi Pembangun Kompetensi Statistik yang Dinamik

ILSM sebagai institusi latihan dalam bidang berkaitan statistik komited untuk menyediakan pakej pembelajaran yang menepati keperluan semasa. Institut beriltizam memantapkan kompetensi perkhidmatan statistik yang berpaksikan modal insan berpengetahuan tinggi.

MISI



Memperkasa Modal Insan ke Arah Penyampaian Perkhidmatan Statistik Mutakhir dan Andal

Misi ILSM untuk memperkasa modal insan adalah berteraskan kepada pembangunan kemahiran dan pengetahuan personel. Pemantapan kompetensi anggota menjamin perkhidmatan statistik yang disampaikan adalah seiring dengan permintaan terkini dan andal.

MOTO



Statistik Mencetus Minda Inovatif

OBJEKTIF DAN FUNGSI

OBJEKTIF

1

Menyediakan modul dan kurikulum kursus yang berkualiti dan dinamik dalam memenuhi keperluan pembangunan statistik negara.

Bertujuan memastikan modul dan kurikulum yang disediakan memenuhi keperluan pengguna bagi meningkatkan pengetahuan dalam bidang statistik rasmi. Di samping itu, ia juga menjadi panduan dalam penyediaan tenaga pengajar yang berkualiti dan efektif.

2

Melahirkan modal insan yang terlatih dalam bidang statistik.

Menyediakan pelan operasi latihan yang seimbang dan komprehensif bertujuan melahirkan modal insan yang terlatih dalam bidang statistik rasmi.

3

Menyediakan dan mengendalikan program latihan menerusi jalinan kerjasama dengan institusi dalam dan luar negara.

Bertujuan meningkatkan kualiti pakej pembelajaran dan tenaga pengajar seterusnya meningkatkan imej ILSM sebagai pusat kecemerlangan kemahiran dalam bidang statistik rasmi di peringkat domestik dan global.

FUNGSI

Merangka dan menggubal modul dan kurikulum kursus termasuk *Statistical Competencies Development Programme* (SCDP)

1

Merancang, mengurus dan mengendalikan kursus dalaman secara fizikal dan atas talian

2

Merancang, mengurus dan mengendalikan kursus antarabangsa

3

Merancang, mengurus dan melaksanakan persidangan, seminar dan bengkel berkaitan dengan statistik

4

Merancang dan mentadbir urus perkara berkaitan latihan DOSM

5

PIAGAM PELANGGAN DAN NILAI TERAS

PIAGAM PELANGGAN

Kami komited menyedia dan melaksana program latihan berkualiti dalam bidang statistik selaras dengan hala tuju ke arah peningkatan kecekapan, kecemerlangan dan profesionalisme personel. Kami berjanji akan:

1

Merancang dan melaksana program latihan yang berkualiti mengikut kurikulum yang ditetapkan

Menjalankan tidak kurang daripada 90% kursus yang dirancang setiap tahun


2
3

Memastikan prasarana latihan dan semua keperluan peralatan latihan berfungsi dengan baik

Memastikan maklum balas diberi kepada semua pertanyaan dan aduan dalam tempoh dua (2) hari bekerja

4


CARTA ORGANISASI



JAWATANKUASA PENGURUSAN LATIHAN

PENGERUSI



YBhg. Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin
Ketua Perangkawan Malaysia

AHLI JAWATANKUASA



YBrs. Puan Nazaria Baharudin
Timbalan Ketua Perangkawan
Program Ekonomi



YBhg. Datin Seri Rozita Talha
Timbalan Ketua Perangkawan
Program Sosial dan Pembangunan Teknikal



Encik Zainuddin Ahmad
Pengarah Kanan
Bahagian Perangkaan
Perkhidmatan



Puan Betty Hasan
Pengarah Kanan
Institut Maklumat dan
Analisis Pasaran




Puan Siti Asiah Ahmad
Pengarah Kanan
Bahagian Perangkaan Harga,
Pendapatan dan Perbelanjaan



Puan Mariyam Mohamad
Pengarah Kanan
Bahagian Pengurusan
Maklumat



Puan Norhayati Jantan
Pengarah Kanan
Bahagian Perangkaan
Akaun Negara



Pengarah Kanan
Bahagian Perangkaan
Penduduk dan Demografi



Pengarah Eksekutif
*Malaysian Bureau of Labour
Statistics*



Puan Juniadah Ali
Pengarah
Bahagian KhidmatPengurusan



Encik Muhammad Amri Idris
Pengarah
DOSM Selangor



Puan Riyanti Saari
Pengarah
Bahagian Metodologi
dan Penyelidikan



Puan Siti Zakiah Muhamad Isa
Pengarah Bahagian
Perangkaan Komunikasi
Strategik dan Antarabangsa




Encik Mohd Ridauddin Masud
Pengarah
Institut Latihan Statistik
Malaysia

PUNCA KUASA

Punca kuasa bagi ILSM dalam melaksanakan tugas dan tanggungjawab ialah:

Dasar – dasar:


1. Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 6 Tahun 2005 Dasar Latihan Sumber Manusia Sektor Awam
2. Surat Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 2 Tahun 2005 Pelaksanaan Pelan Latihan Sumber Manusia Sektor Awam
3. Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 7 Tahun 2016 Kemajuan Kerjaya Laluan Pakar Bidang Khusus (*Subject Matter Expert – SME*) Bagi Pegawai Perkhidmatan Awam Persekutuan Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia



PUNCA KUASA

Akta

1. Akta Perangkaan 1965 (Disemak - 1989)
2. Akta Banci 1960



Pelan Strategik



Pelan Strategik Jabatan Perangkaan Malaysia
2021-2025

PEMEGANG TARUH DAN PENGGUNA

Pemegang taruh ILSM

Pemegang taruh utama bagi ILSM adalah **DOSM** selaras dengan peranan DOSM dalam pemerkasaan perkhidmatan statistik. DOSM mensasarkan ILSM menjadi sebuah pusat perkongsian ilmu, pembangunan modal insan dan pembentukan tenaga pakar dalam bidang sains statistik setanding dengan institusi latihan bertaraf antarabangsa. Warga DOSM yang menjadi pemegang taruh ILSM meliputi:

- 🔍 Program Sosial dan Pembangunan Teknikal
- 🔍 Program Ekonomi
- 🔍 Program Pengurusan Korporat
- 🔍 DOSM Negeri
- 🔍 Perkhidmatan Kader

Pemegang taruh DOSM

- 🔍 Jemaah Menteri
- 🔍 Kementerian dan Agensi Persekutuan
- 🔍 Kementerian dan Agensi Negeri
- 🔍 Badan Berkanun
- 🔍 Pihak Berkuasa Tempatan

Pengguna umum DOSM

- | | |
|----------------------------------|------------------------|
| 🔍 Ahli Parlimen | 🔍 Persatuan Industri |
| 🔍 Ahli Dewan Undangan Negeri | 🔍 Agensi Media |
| 🔍 Suruhanjaya | 🔍 Dewan Perniagaan |
| 🔍 Pejabat Kedutaan / Pesuruhjaya | 🔍 Persatuan Pengguna |
| 🔍 Tinggi Asing | 🔍 Kesatuan Sekerja |
| 🔍 Agensi Swasta | 🔍 Pertubuhan Belia |
| 🔍 Institusi Pengajian Tinggi | 🔍 Badan Bukan Kerajaan |
| 🔍 Penyelidik | 🔍 Orang Awam |

PEMEGANG TARUH DAN PENGGUNA

Pengguna Antarabangsa DOSM

- ASEAN Statistics Division (ASEANstats)
- Asia-Pacific Economic Cooperation (APEC)
- Asian Development Bank (ADB)
- Association of Southeast Asian Nations (ASEAN) Secretariat
- Brunei Darussalam–Indonesia–Malaysia–Philippines East ASEAN Growth Area (BIMP-EAGA)
- Food and Agriculture Organization of the United Nations (FAO)
- Indonesia-Malaysia-Thailand Growth-Triangle (IMT-GT)
- International Energy Agency (IEA)
- International Institute for Management Development (IMD)
- International Labour Organization (ILO)
- International Monetary Fund (IMF)
- International Organization for Migration International Telecommunication Union (ITU)
- International Trade Centre (ITC)
- Islamic Development Bank (IsDB)
- Organisation for Economic Co-operation and Development (OECD)
- Organizational of Islamic Cooperation (OIC)
- Statistical, Economic and Social Research and Training Centre for Islamic Countries (SESRIC)
- The Partnership in Statistics for Development in the 21st Century (PARIS21)
- United Nations Children's Fund (UNICEF)
- United Nations Conference on Trade and Development (UNCTAD)
- United Nations Development Programme (UNDP)
- United Nations Economic and Social Commission for Asia and the Pacific (UN ESCAP)
- United Nations Economic Commission for Europe (UNECE)
- United Nations Educational, Scientific and Cultural Organization (UNESCO)
- United Nations Environment Programme (UNEP)
- United Nations Human Settlements Programme (UN-Habitat)
- United Nations Industrial Development Organization (UNIDO)
- United Nations Population Fund (UNFPA)
- United Nations Statistical Institute of Asia and the Pacific (UN SIAP)
- United Nations Statistics Division (UNSD)
- United Nations Women (UN Women)
- United Nations World Tourism Organization (UNWTO)
- World Bank (WB)
- World Health Organization (WHO)
- World Intellectual Property Organization (WIPO)
- World Trade Organization (WTO)
- Other International Users/Agencies/Bodies National Statistical Offices (NSO)

DASAR LATIHAN

SUMBER MANUSIA SEKTOR AWAM

Objektif Latihan

Objektif latihan adalah seiring dengan Dasar Latihan Sumber Manusia Sektor Awam iaitu setiap anggota perlu melengkapkan diri atau dilengkapkan dengan sikap (*attitude*), kemahiran (*skills*) dan pengetahuan (*knowledge*) yang bersesuaian, melalui program pembangunan sumber manusia yang terancang yang berteraskan pembangunan kompetensi dan pembelajaran berterusan.

Dasar Latihan

Dasar latihan yang digubal menjadi asas kepada pelaksanaan kursus bagi memenuhi perkara berikut:

- Menyediakan anggota yang mahir, berkebolehan, kompeten dan berketerampilan bagi mencapai hasil kerja yang berkualiti mengikut standard yang telah ditetapkan.
- Menyediakan pakar dalam bidang statistik, ICT, pengurusan kewangan, perkhidmatan dan pentadbiran.
- Menyediakan jurulatih mahir dalam memberi kursus dan latihan.
- Membentuk nilai-nilai murni dan sikap positif.
- Mewujudkan nilai tambah di dalam Jabatan.

Definisi Latihan

Merujuk kepada Pekeliling Perkhidmatan Bil. 6 Tahun 2005, takrif latihan ialah:

“Proses pemindahan ilmu pengetahuan secara kemas dan berdisiplin, bertujuan menambah pengetahuan dan kemahiran untuk memenuhi keperluan dan tuntutan semasa dalam organisasi. Ini dicapai melalui sebarang bentuk pembelajaran seperti kursus, latihan semasa bekerja dan program *mentoring* / *coaching* atau yang seumpama dengannya yang menyumbang kepada pembangunan individu dan kecemerlangan organisasi.”

PELAN OPERASI

LATIHAN DOSM

Latihan di DOSM telah ditakrifkan seperti Jadual di bawah:

No.	Program dan Jenis Aktiviti Latihan
1.	Latihan Aktiviti Latihan anjuran Jabatan, Program, Bahagian, DOSM Negeri atau Agensi Luar di dalam dan luar Negara yang dijalankan selama enam (6) jam atau lebih sama ada bersemuka secara fizikal, <i>webinar</i> dan <i>video learning / e-learning</i> (melalui platform MySUL). <u>Contoh jenis aktiviti:</u> Kursus, Taklimat, Seminar, Kolokium, Bengkel, Forum, Simposium dan Persidangan. • Latihan Dalaman Anjuran ILSM • Latihan Anjuran Bahagian / DOSM Negeri • Latihan Luar Jabatan Aktiviti latihan yang dianjurkan oleh agensi luar Jabatan sama ada agensi kerajaan atau swasta. • Latihan Luar Negara Aktiviti latihan yang dianjurkan oleh agensi seperti UNSD, UNSIAP dan sebagainya termasuk bertugas di luar negara kerana menghadiri mesyuarat.
2.	Sesi Pembelajaran Sebarang aktiviti latihan atau pembelajaran secara bersemuka (terdiri daripada pengajar dan pelajar) anjuran Jabatan, Program, Bahagian, DOSM Negeri, Pejabat Operasi, Seksyen, Unit dan Agensi Luar yang tempohnya kurang daripada enam jam. <u>Contoh jenis aktiviti:</u> • Sesi Perkongsian Ilmu (KSS) • Taklimat anjuran Bahagian / DOSM Negeri • Program Bual Bicara • Program <i>Executive Talk</i> anjuran Jabatan, INTAN atau program yang seumpamanya • Perhimpunan Bulanan Jabatan dan DOSM Negeri • Pertemuan Mentor dan Mentee • Sesi Perbincangan / Perkongsian Idea Pengurusan Tertinggi / Tetamu Jemputan Khas • Pembentangan Kertas Kerja • Sesi Kaunseling Perkembangan • Menyampaikan ceramah

No.	Program dan Jenis Aktiviti Latihan
3.	Pembelajaran Kendiri Sebarang aktiviti pembelajaran yang berkonsepkan belajar atas usaha sendiri melibatkan pembelajaran secara bersemuka atau atas talian termasuk menerusi media sosial. Kaedah ini dapat memberi peluang untuk meningkat pengetahuan dengan memanfaatkan capaian kepada perolehan yang lebih mudah dan luas tanpa bergantung kepada latihan secara konvensional sahaja. Contoh jenis aktiviti : Pembelajaran melalui portal e-pembelajaran lain yang diiktiraf oleh Jabatan / Kerajaan seperti portal e-pembelajaran Sektor Awam (EPSA) ♦ Pembacaan artikel jurnal / laporan kajian dan lain-lain bahan ilmiah secara fizikal atau maya (<i>virtual</i>). ♦ Pembacaan buku ilmiah termasuk <i>e-book</i>.

Program Latihan ILSM

Program latihan ILSM dibangunkan mengikut **empat kluster** yang keseluruhannya terdiri daripada **209** kursus seperti berikut:

55

EKONOMI

38

SOSIAL &
DEMOGRAFI

35


METODOLOGI
PENYELIDIKAN &
KUALITI

81

ICT &
GEOSPATIAL

Selain daripada itu, kursus generik meliputi aspek kepimpinan, pentadbiran, motivasi, komunikasi dan sebagainya juga dilaksanakan mengikut keperluan semasa.

Struktur Latihan



a) Peringkat Asas (0 – 3 Tahun)

Latihan peringkat asas dilaksanakan kepada semua anggota yang berkhidmat dari awal pelantikan sehingga tempoh tiga tahun. Tahap latihan pada peringkat ini ialah Tahap Pendedahan dan Tahap Penerapan Kompetensi yang bersifat umum dan penekanan adalah terhadap perkhidmatan.

Bermula tahun 2018, DOSM telah melaksanakan program khusus iaitu *Statistical Competencies Development Programme* (SCDP) lantikan pegawai baru untuk Gred E41, E29 dan E19. Program ini bertujuan melengkapkan pegawai DOSM dengan pengetahuan dan kemahiran asas bagi membentuk individu yang berketrampilan serta berupaya menyelesaikan tugas dengan lebih strategik, analitik, kreatif dan inovatif.

b) **Peringkat Pertengahan (4 – 10 Tahun)**

Latihan peringkat pertengahan melibatkan Tahap Pembangunan Kompetensi dan Tahap Peningkatan Kompetensi kepada anggota yang telah berkhidmat di antara tiga hingga sepuluh tahun.

- i. **Tahap Pembangunan Kompetensi** bertujuan menyediakan anggota yang berkebolehan dan berkeupayaan melakukan sesuatu tugas dengan cepat dan menepati *standard* umum yang ditentukan.
- ii. **Tahap Peningkatan Kompetensi** pula bertujuan untuk meningkatkan pengetahuan dan kemahiran sedia ada dan mendedahkan kemahiran baru kepada anggota.

c) **Peringkat Lanjutan (melebihi 10 tahun)**

Latihan peringkat lanjutan dilaksanakan kepada anggota yang telah berkhidmat melebihi sepuluh tahun. Tujuannya ialah untuk memantapkan dan mengukuhkan keupayaan anggota secara berterusan selaras dengan keperluan dan cabaran-cabaran semasa.

d) **Peringkat Peralihan (2 tahun sebelum bersara)**

Latihan Peringkat Peralihan dilaksanakan kepada anggota yang akan meninggalkan perkhidmatan dalam tempoh dua tahun sebelum bersara. Tujuan tahap ini ialah untuk menyediakan anggota Perkhidmatan Awam yang akan meninggalkan perkhidmatan kepada pengetahuan dan persekitaran baru.

ANALISIS PERSEKITARAN & CABARAN SEMASA



ANALISIS PERSEKITARAN DAN CABARAN SEMASA

Revolusi Teknologi

Dunia digital hari ini menghadapi fenomena ledakan maklumat struktur dan tidak berstruktur di mana *volume* data daripada persekitaran tersebut meningkat dengan ketara. Kepesatan revolusi digital yang berasaskan internet daripada pelbagai sumber termasuk media sosial telah menyediakan peluang sumber data baharu bagi penjana statistik dan penghasilan pengetahuan terkini.

ILSM selaku penyedia latihan dalam bidang statistik rasmi negara komited untuk bergerak seiring dengan perubahan permintaan statistik semasa yang kompleks. Perubahan teknologi digital dunia menuntut kepada perancangan pembangunan modal insan yang lebih dinamik dan berkeupayaan mendepani cabaran semasa.

Kepakaran Bidang Baharu

Kesan daripada ledakan maklumat yang mewujudkan peluang sumber data baharu, pembangunan kepakaran bidang baharu terutamanya dalam bidang sains data dan analitik data raya menjadi keperluan yang kritikal. Seterusnya kepakaran ini menjadi aset berharga kepada DOSM dan merupakan prospek jangka masa panjang bagi pengeluaran statistik rasmi negara. Di kebanyakan negara maju, data sains telah menjadi bidang yang semakin penting dan merupakan kemahiran yang diperlukan oleh warga kerja agensi statistik tersebut.

Malaysia seharusnya mencontohi amalan yang telah dilaksanakan oleh negara maju ini dengan memulakan langkah dengan memperkembangkan ilmu data sains ini kepada agensi utama pengeluar statistik rasmi seperti DOSM. Keperluan ini juga menuntut pembentukan pakej latihan yang komprehensif meliputi kompetensi aspek *statistics & mathematics, programming & data base, domain subject matter knowledge & soft skills and communication & visualization*.

ANALISIS PERSEKITARAN DAN CABARAN SEMASA

Pandemik Covid-19

Pandemik Covid-19 yang melanda dunia bermula penghujung 2019 merupakan isu global yang menjadi perhatian seluruh populasi dunia dan menuntut kepada amalan norma baharu. DOSM turut terkesan daripada penularan pandemik ini terutamanya dari sudut gerak kerja secara konvensional meliputi operasi pengumpulan data dan pelaksanaan program pembangunan modal insan.


Rentetan daripada kekangan yang dihadapi bagi melaksanakan operasi pengumpulan data primer, cabaran DOSM adalah terarah kepada memperkukuhkan penggunaan sumber data pentadbiran dan kaedah *modelling*. Perancangan latihan perlu disesuaikan sebagai respons kepada permintaan subjek tersebut. Di samping itu, penambahbaikan infrastruktur diperlukan bagi menjamin pelaksanaan program secara atas talian yang berkesan.

Permintaan Data Lebih Terperinci

Permintaan kepada data lebih terperinci dan *small area statistics* daripada pihak *stakeholders* adalah semakin meningkat. Keadaan ini juga konsisten dengan keperluan dalam memenuhi agenda *Sustainable Development Goals* (SDG). Pemantapan penghasilan statistik tersebut juga dapat dimanfaatkan bagi perancangan dan kegunaan di peringkat daerah pentadbiran, Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) serta komuniti setempat.

Terdapat banyak data pentadbiran di pelbagai peringkat Negeri, Daerah Pentadbiran dan PBT seluruh Negara yang berpotensi untuk disusun secara lebih sistematik. Bagi melaksanakan proses penyeragaman, integrasi dan menganalisis sumber data pentadbiran dari pelbagai sumber tersebut dengan lebih efektif, personel yang mempunyai kemahiran data sains adalah diperlukan bagi proses tersebut. Justeru, perancangan latihan yang dinamik diperlukan bagi mencapai hasrat tersebut termasuk dalam pembangunan pakej pembelajaran, infrastruktur latihan dan kepakaran tenaga pengajar.

TERAS STRATEGIK





Jabatan Perangkaan
MALAYSIA

PELAN STRATEGIK

INSTITUT LATIHAN STATISTIK MALAYSIA

2021-2025

VISI



Institusi Pembangun
Kompetensi Statistik
yang Dinamik

MISI



Memperkasa Modal Insan
ke Arah Penyampaian
Perkhidmatan Statistik
Mutakhir dan Andal

MOTO



Statistik Mencetus
Minda Inovatif

12
STRATEGI

39
INISIATIF

64
KPI

4
TERAS
STRATEGIK

TS 1

PEMBANGUNAN
PROGRAM
PEMBELAJARAN
BERKUALITI



- S1 - Pembangunan dan Pementapan Program Pembelajaran Terkini
- S2 - Pengukuhan Program Berimpak Tinggi

TS 2

PENGURUSAN
PEMBELAJARAN
DINAMIK



- S1 - Pengukuhan Tadbir Urus Latihan
- S2 - Pementapan Pengurusan Tenaga Pengajar
- S3 - Pengukuhan Sistem Latihan berasaskan ICT

TS 3

JALINAN
USAHASAMA
STRATEGIK



- S1 - Pengukuhan Jalinan Usahasama dengan Institusi Pendidikan Tinggi (IPT) / Institut Latihan Awam (ILA)
- S2 - Pengukuhan Jalinan Usahasama dengan Agensi / Rakan Industri
- S3 - Pementapan Kerjasama bersama Komuniti
- S4 - Pengukuhan Jalinan Usahasama dengan Agensi Latihan / Agensi Statistik / Expert Group Antarabangsa

TS 4

PENGURUSAN
INFRASTRUKTUR
YANG EFISIEN



- S1 - Pengurusan Infrastruktur Pembelajaran yang Komprehensif
- S2 - Pengurusan Organisasi
- S3 - Pengurusan Sumber dan Dokumentasi



Ilsm Dosm



<https://ilsm.dosm.gov.my>



TS 1

**PEMBANGUNAN PROGRAM
PEMBELAJARAN BERKUALITI**

Objektif teras strategik ini adalah bagi menyediakan pakej pembelajaran yang menepati keperluan semasa. Bagi merealisasikan hasrat tersebut ILSM komited melaksanakan dua strategi seperti perincian berikut:

Strategi 1: Pembangunan dan Pemantapan Program Pembelajaran Terkini

Objektif strategi ini adalah bagi mengkaji dan mengemaskini pakej pembelajaran selaras dengan permintaan semasa. ILSM berusaha untuk membangun, mengkaji semula dan mengemaskini pakej pembelajaran di bidang Ekonomi, Sosial & Demografi, Metodologi Penyelidikan & Kualiti serta Sains Data & ICT. Usaha ini digerakkan melalui platform Jawatankuasa Pengukuhan Kurikulum yang keahliannya terdiri daripada pegawai Bahagian di DOSM bagi penyediaan kurikulum yang berkualiti dalam memenuhi aspek pembangunan statistik negara.

Strategi 2: Pengukuhan Program Berimpak Tinggi

Objektif strategi ini adalah bagi mengkaji, membangun dan melaksanakan program berimpak tinggi bagi melonjakkan lagi kepakaran di kalangan pegawai DOSM seterusnya melahirkan warga kerja yang efektif dan efisien. Inisiatif ini juga dilaksana bagi meningkatkan pengetahuan dan membudayakan penggunaan statistik di kalangan komuniti statistik keseluruhannya. Inisiatif bagi membangun dan mengiktiraf bidang kepakaran dan SME DOSM juga dilaksanakan di bawah strategi ini.



TS 2



PENGURUSAN PEMBELAJARAN DINAMIK

Objektif teras strategik ini adalah bagi memantapkan tadbir urus latihan ke arah pembangunan modal insan yang cemerlang. Tiga strategi yang telah digariskan bagi mencapai teras strategik tersebut adalah:

Strategi 1: Pengukuhan Tadbir Urus Latihan

Objektif strategi ini terutamanya adalah bagi mematuhi Pekeliling Perkhidmatan Dasar Latihan Sumber Manusia Sektor Awam dan Surat Pekeliling Perkhidmatan Pelaksanaan Pelan Latihan Sumber Manusia Sektor Awam. Selain itu, ianya juga adalah untuk memperkukuhkan keseluruhan pengurusan latihan. Implementasi dasar latihan tersebut dilaksanakan dengan menambahbaik dan memantapkan kualiti penyampaian perkhidmatan latihan supaya lebih efektif.

Strategi 2: Pemantapan Pengurusan Tenaga Pengajar

Objektif strategi ini adalah bagi memperkukuhkan kepakaran dalam bidang latihan dan butiran perkara dengan meningkatkan kompetensi dan kepakaran pengajar yang meliputi keseluruhan proses kerja penghasilan statistik rasmi negara. Peningkatan profesionalisme tenaga pengajar memerlukan usaha yang terancang, sistematik dan dilaksanakan secara berterusan. Justeru, inisiatif ini adalah untuk memastikan profesionalisme tenaga pengajar mencapai tahap piawaian yang ditetapkan seperti yang digariskan dalam Pelan Tenaga Pengajar (PTP) ILSM.

Strategi 3: Pengukuhan Sistem Latihan berasaskan ICT

Objektif strategi ini adalah bagi menambahbaik sistem berkaitan latihan berasaskan ICT seperti *DOSM Training Information Management System* (DTIMS) dan *Malaysia Statistics Ubiquitous Learning* (MySUL) serta Laman Web ILSM. Penambaihan ini adalah perlu bagi memantapkan kecekapan pengurusan latihan supaya ia bergerak seiring dengan perubahan teknologi dalam revolusi perindustrian 4.0 (IR 4.0).

TS 3



JALINAN USAHASAMA STRATEGIK

Objektif teras strategik ini adalah bagi mewujudkan jalinan usahasama strategik ke arah ILSM sebagai *Centre Of Skills Excellence*. Empat strategi yang telah dirancang bagi merealisasikan teras strategik tersebut adalah:

Strategi 1: Pengukuhan Jalinan Usahasama dengan Institusi Pendidikan Tinggi (IPT) / Institut Latihan Awam (ILA)

Objektif strategi ini adalah bagi memperluaskan rakan strategik akademik di antara DOSM dengan IPT / ILA. Kerjasama strategik dengan IPT melalui jalinan memorandum persefahaman (MoU) dilaksanakan dengan matlamat bagi menghasilkan pengetahuan baru, penyelidikan dan latihan dalam bidang statistik. Selain itu, kerjasama dengan ILA adalah penting untuk saling menyumbang kepakaran di dalam tadbir urus latihan

Strategi 2: Pengukuhan Jalinan Usahasama dengan Agensi Rakan Industri

Objektif strategi ini adalah bagi memperluaskan rakan strategik di kalangan agensi / industri untuk mewujudkan permuafakatan dan perkongsian pintar yang akrab di antara DOSM dengan agensi yang terlibat. Kerjasama berbentuk perkongsian pengetahuan dan kepakaran tersebut dapat memberi manfaat kepada semua pihak yang berkepentingan.

Strategi 3: Pemantapan Kerjasama bersama Komuniti

Objektif strategi ini adalah bagi menggiatkan penglibatan ILSM dalam program pembudayaan statistik di kalangan pelajar dan komuniti setempat. Usaha ini dilaksanakan dengan penglibatan aktif ILSM dalam menganjurkan program bersifat *Statistics Corporate Social Responsibility* (SCSR) yang dapat meningkatkan tahap literasi statistik di peringkat daerah dan negeri.

Strategi 4: Pengukuhan Jalinan Usahasama dengan Agensi Latihan / Agensi Statistik / *Expert Group* Antarabangsa

Objektif strategi ini adalah bagi menjalin kerjasama dengan agensi statistik dan *expert group* antarabangsa seperti UNSIAP, ASEAN Secretariat, UNSD dan UNESCAP bagi penganjuran kursus / bengkel / persidangan dalam bidang statistik. Kolaborasi ini dapat meningkatkan jalinan kerjasama yang berkesan di peringkat serantau dan global. Inisiatif tersebut juga merupakan pemangkin bagi mencapai objektif untuk melahirkan modal insan yang kompeten dan inovatif.



TS 4

PENGURUSAN INFRASTRUKTUR
YANG EFISIEN

Objektif teras strategik ini adalah bagi memperkukuh persekitaran pembelajaran yang kondusif. Bagi memastikan perkara tersebut dapat dicapai, tiga strategi telah digarap seperti berikut:

Strategi 1: Pengurusan Infrastruktur Pembelajaran yang Komprehensif

Objektif strategi ini adalah bagi mengkaji dan menaiktaraf infrastruktur pembelajaran agar ianya setanding dengan instituti latihan yang bertaraf antarabangsa. Selain itu, ianya juga bagi memastikan fasiliti institut diperkukuhkan untuk bergerak seiring dengan perkembangan dan tuntutan semasa. Usaha ini bagi menjamin penyampaian perkhidmatan latihan yang cekap dan berkesan.

Strategi 2: Pengurusan Organisasi

Objektif strategi ini adalah bagi mengukuhkan amalan tadbir urus dan pengurusan kewangan institut yang baik selaras dengan dasar kerajaan. Inisiatif ini adalah penting bagi mewujudkan persekitaran pembelajaran kondusif dan psikososial yang sihat. Seterusnya, pematuhan kepada tadbir urus dan pengurusan kewangan akan menyediakan sumber manusia institut yang cekap dan berintegriti.

Strategi 3 : Pengurusan Sumber dan Dokumentasi

Objektif strategi ini adalah bagi memperkukuhkan pengurusan ilmu dan aset intelektual. Usaha ini dilaksana dengan memantapkan pengurusan dan peranan perpustakaan ILSM. Sebagai salah satu sistem sokongan utama di institut, inisiatif ini penting bagi pelengkap kepada proses pembelajaran yang berkesan.

TERAS STRATEGIK 1: PEMBANGUNAN PROGRAM PEMBELAJARAN BERKUALITI
Objektif: Menyediakan Pakej Pembelajaran yang Menepati Keperluan Semasa

Strategi	Inisiatif (Program / Aktiviti)	KPI
1 Pembangunan dan Pemantapan Program Pembelajaran Terkini	1 Pelaksanaan Analisa Keperluan Latihan (TNA)	2022 1 Laporan TNA Dihasilkan
	2 Pelan Operasi Latihan (POL) yang Seimbang	2021-2025 1 POL Dihasilkan Setiap Tahun
	3 Pemantapan <i>Statistical Competencies Development Programme</i> (SCDP)	2021-2023 3 Kurikulum / Modul SCDP Dihasilkan
	4 Pembangunan dan Pengukuhan Kurikulum Latihan berdasarkan Keperluan Terkini	2021-2025 5 Kurikulum / Modul Diperkukuhkan 2021, 2023, 2025 3 Kurikulum / Modul Baharu Dibangunkan (contoh: <i>data science / big data analytics</i>)
	5 Pembangunan Kandungan Kursus <i>e-Learning</i>	2021-2025 5 Kandungan Kursus <i>e-Learning</i> Dihasilkan
	6 Pelaksanaan Kursus <i>Customised</i>	2021, 2023, 2025 3 Kursus <i>Customised</i> Dilaksanakan
	7 Pelaksanaan Program Libat Urus Pengukuhan dan Pendigitalan DOSM	2021-2025 1 Program Libat Urus Dilaksanakan Setiap Tahun 2021-2025 1 Program DGCCR DOSM Dilaksanakan Setiap Tahun
	8 Penelitian Kesesuaian Artikel untuk Edaran	2021-2025 24 Edaran Artikel setiap tahun
2 Pengukuhan Program Berimpak Tinggi	1 Penganjuran Seminar Statistik / Kolokium Statistik / <i>Executive Talk</i>	2021-2025 1 Program Seminar Statistik Bersama Agensi Dilaksanakan Setiap Tahun 2021-2025 1 Kolokium Statistik Dilaksanakan Setiap Tahun 2021-2025 1 Program <i>Executive Talk</i> Dilaksanakan Setiap Tahun
	2 Pembangunan Program Pentauliah SME	2022 5 Bidang SME Diluluskan 2023 5 Pakar SME Ditauliahkan

TERAS STRATEGIK 2: PENGURUSAN PEMBELAJARAN DINAMIK

Objektif: Memantapkan Tadbir Urus Latihan ke Arah Pembangunan Modal Insan yang Cemerlang

Strategi	Inisiatif (Program / Aktiviti)	KPI
1 Pengukuhan Tadbir Urus Latihan	1 Penyediaan Satu Laporan Dasar Latihan Sumber Manusia Sektor Awam Anggota Jabatan bagi Keperluan Jabatan Perdana Menteri (JPM)	2021-2025 1 Laporan Dasar Latihan Sumber Manusia Sektor Awam Dihasilkan Setiap Tahun
	2 Pelaksanaan Penilaian Kursus yang Efektif	2021-2025 1 Laporan Penilaian Kursus yang Efektif Dihasilkan
	3 Mesyuarat Tadbir Urus ILSM	2021-2025 2 Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Latihan (JPL) Setiap Tahun
	4 Pegawai Pengurus Latihan (PPL) Bahagian / DOSM Negeri	2021-2025 Mesyuarat Lembaga Penasihat ILSM Mengikut Keperluan
	5 Pengauditan / Naziran	2021-2025 2 Program Retreat PPL
2 Pemantapan Pengurusan Tenaga Pengajar	1 Pelaksanaan Pelan Tenaga Pengajar	2021, 2023, 2025 3 Kursus <i>Training of Trainers</i> (TOT)
		2021-2025 10 Kolaborasi Dengan Pakar Luar
		2021-2025 1 Laporan Penilaian Tenaga Pengajar Dihasilkan Setiap Tahun
3 Pengukuhan Sistem Latihan berasaskan ICT	1 Pengoptimuman Penggunaan Platform DOSM <i>Training Information Management System</i> (DTIMS)	2021-2025 6 Modul dalam DTIMS
	2 Penambahbaikan <i>Malaysia Statistics Ubiquitous Learning</i> (MySUL)	2021-2025 Muat naik 60 Bahan Pembelajaran Setiap Tahun
	3 Penambahbaikan Laman Web ILSM	2021-2025 Platform MySUL
		2021-2025 Laman Web ILSM

TERAS STRATEGIK 3: JALINAN USAHASAMA STRATEGIK

 Objektif: Mewujudkan Jalinan Usahasama Strategik ke Arah ILSM Sebagai *Centre of Skills Excellence*

Strategi	Inisiatif (Program / Aktiviti)	KPI
1	1 Program / Latihan bersama IPT / ILA	2021-2025 1 MoU Baru / Diperbaharui Setiap Tahun
		2021-2025 2 Program / Latihan Dilaksanakan Setiap Tahun
2	1 Mengkaji dan Melaksanakan Program / Latihan bersama Agensi / Rakan Industri	2021 1 <i>National Occupation Skills Standard</i> (NOSS) Bidang Statistik Tahap 4 bersama Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK) Dihasilkan
		2023 1 Program Pengiktirafan Pencapaian Terdahulu (PPT) bersama JPK Dilaksanakan
		2021-2025 2 Program / Latihan Dilaksanakan
3	1 Program Literasi Statistik / <i>Stats Talk</i>	2021-2025 1 Program Dilaksanakan Setiap Tahun
	2 Program <i>Statistics Corporate Social Responsibility</i> (SCSR) Peringkat Daerah dan Negeri	2021-2025 1 Program Dilaksanakan Setiap Tahun
4	1 Penglibatan di dalam UNSIAP	2021-2025 2 Program Diilaksanakan
		2021-2025 1 Mesyuarat <i>Governing Council</i> Setiap Tahun
		2021-2025 1 Mesyuarat <i>Network Coordination of Training Programme</i> Setiap Tahun
	2 Pelaksanaan Program / Kursus / Bengkel / Persidangan	2021-2025 1 Mesyuarat Subgroup Setiap Tahun
		2021-2025 Sumbangan kepada UNSIAP Setiap Tahun
		2021-2025 2 Program / Kursus / Bengkel / Persidangan Diilaksanakan
	3 Penglibatan DOSM dalam ISI dan IAOS	2021-2025 ISI Dan IAOS <i>Subscriptions Fee</i> Setiap Tahun

TERAS STRATEGI 4: PENGURUSAN INFRASTRUKTUR YANG EFISIEN
Objektif: Memperkukuh Persekitaran Pembelajaran yang Kondusif

Strategi	Inisiatif	KPI
1 Pengurusan Infrastruktur Pembelajaran yang Komprehensif	1 Kajian Infrastruktur Pembelajaran yang Moden	2021-2025 1 Laporan Kajian Infrastruktur
	2 Pengurusan Penyelenggaraan Fasiliti Institut yang Berjadual dan Berkala	2021-2025 1 Laporan Pengurusan Penyelenggaraan Setiap Tahun
		2021-2025 1 Laporan Penilaian dan Aduan berkaitan Fasiliti Setiap Tahun
	3 Peningkatan Kapasiti Fasiliti ICT	2021-2025 1 Kali Peningkatan Kapasiti Rangkaian Internet
	4 Pelaksanaan Program DOSM dan Inisiatif MyTC	2021-2025 1 Kali Perolehan Baru Dan Naik Taraf Peralatan ICT
2021-2025 1 Kali Perolehan Aplikasi ICT Baharu		
2 Pengurusan Organisasi	1 Pengurusan Kewangan dan Aset	2021-2025 6 Program DOSM Setiap Tahun
		2021-2025 12 Program MyTC Setiap Tahun
	2 Pengurusan Kontrak Perkhidmatan	2021-2025 2 Laporan Unjuran dan Semakan Bajet Setiap Tahun
		2021-2025 4 Laporan Jawatankuasa Pengurusan Kewangan dan Akaun (JPKA) Setiap Tahun
	3 Pengauditan / Naziran	2021-2025 4 Laporan Jawatankuasa Pengurusan Aset Kerajaan (JKPKA) Setiap Tahun
	4 Pelaksanaan EKSA	2021-2025 7 Kontrak Perkhidmatan
	5 Pembangunan Kompetensi Anggota ILSM	2021-2025 1 Laporan Maklumbalas Audit / Naziran Dihasilkan
	6 Pengurusan Potensi Diri dan Keseimbangan Kerjaya	2021-2025 Pensijilan EKSA
	7 Pengurusan Aduan Salah Laku	2021-2025 2 Kursus / Bengkel / Seminar Dihadiri Setiap Anggota ILSM Setiap Tahun
		2021-2025 5 Peratus Penggiliran Tugas Anggota Setiap Tahun
3 Pengurusan Sumber dan Dokumentasi	1 Pengukuhan Peranan Perpustakaan ILSM	2021-2025 Laporan Dihasilkan Mengikut Keperluan
		2021-2025 Sistem Pengurusan Perpustakaan (KOHA)
	2 Laporan / Buletin Institut	2021 1 Perolehan Buku Baru / Jurnal
		2021-2025 1 Kali Peminjaman Buku Berkelompok Setiap Tahun
		2021, 2024 2 Laporan / Buletin Dihasilkan

WAY FORWARD

Pelan Strategik ini akan menjadi panduan hala tuju ILSM ke arah merealisasikan hasrat sebagai institusi pembangun kompetensi statistik yang dinamik. Seterusnya petunjuk prestasi utama bagi memperkasa modal insan ke arah penyampaian perkhidmatan statistik mutakhir dan andal dapat dicapai dengan terlaksana agenda berikut pasca 2025:

1

Pakej pembelajaran dinamik berasaskan permintaan semasa yang yang disokong oleh kaedah dan teknologi pembelajaran moden

2

Sumber rujukan bagi pakej pembangunan kompetensi statistik di peringkat antarabangsa

3

Institusi latihan yang menjadi pemangkin kepada DOSM sebagai rujukan utama oleh agensi luar di dalam bidang statistik rasmi

4

ILSM mempunyai barisan tenaga pengajar pakar di kalangan *subject matter expert* (SME) yang diiktiraf dalam bidang berkaitan statistik dan sains data

5

Pelaksanaan program pensijilan jangka pendek dan panjang yang diiktiraf dengan jalinan strategik bersama IPT dan agensi

TS 1



PEMBANGUNAN
PROGRAM
PEMBELAJARAN
BERKUALITI

TS 2



PENGURUSAN
PEMBELAJARAN
DINAMIK

TS 3



JALINAN
USAHASAMA
STRATEGIK

TS 4



PENGURUSAN
INFRASTRUKTUR
YANG EFISIEN

JAWATANKUASA KERJA

PELAN STRATEGIK INSTITUT LATIHAN STATISTIK MALAYSIA 2021-2025

PENASIHAT

YBhg. Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin

PENGERUSI

Encik Mohd Ridauddin Masud

AHLI

Encik Wan Azhar Wan Mokhtar

Encik Mohd Syariff Abdul Wahab

Puan Norbani Yacob

Encik Sharisuparman Supar

Cik Uni Bah Udar

Cik Heirnizah Melati Jamri

Encik Mohd Haris Ismail

Puan Noryanti Jamaluddin

Puan Lydia Shafiriza Johari

Puan Noor Azlina Omar

Encik Muhammad Fuad Saaid

AKRONIM

AMSs	ASEAN Member States
BNM	Bank Negara Malaysia
DGCCR	<i>Digital Government Competency And Capability Readiness</i>
DOSM	<i>Department of Statistics Malaysia / Jabatan Perangkaan Malaysia</i>
DTIMS	DOSM Training Information Management System
EU-COMPASS	<i>European Commission</i>
ILA	Institut Latihan Awam
ILSM	Institut Latihan Statistik Malaysia
IPT	Institut Pendidikan Tinggi
ISI WSC	<i>International Statistical Institute World Statistics Congress</i>
ISM	Institut Statistik Malaysia
KPI	Petunjuk Prestasi Utama
MySUL	<i>Malaysia Statistics Ubiquitous Learning</i>
MyTC	Sistem Tempahan Fasiliti Kerajaan
PBT	Pihak Berkuasa Tempatan
POL	Pelan Operasi Latihan
PPL	Pegawai Pengurus Latihan
PSI	Pelan Strategik Institut Latihan Statistik Malaysia
SCDP	<i>Statistical Competencies Development Programme</i>
SCSR	<i>Statistics Corporate Social Responsibility</i>
SDG	<i>Sustainable Development Goals</i>
SME	<i>Subject Matter Expert</i>
TMD	<i>Training Man Days</i>
UNESCAP	<i>United Nations Economic and Social Commission for Asia and the Pacific</i>
UNSD	<i>United Nations Statistics Division</i>
UNSIAP	<i>United Nations Statistical Institute for Asia and The Pacific</i>
SCSR	<i>Statistics Corporate Social Responsibility</i>





Jabatan Perangkaan
MALAYSIA

Diterbitkan Oleh:

Institut Latihan Statistik Malaysia (ILSM),
Jabatan Perangkaan Malaysia,
35600 Sungkai,
Perak Darul Ridzuan.

Tel: 05-406 6200
Faks: 05-438 6467



<https://ilsm.dosm.gov.my>



Ilsm Dosm